

Laporan Dana Takafulink 2007

Meraih setiap peluang melalui daya ketahanan kukuh



Laporan dan Penyata Takafulink untuk tahun berakhir
31 Disember 2007

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Kami memahami, kami prihatin.



Kandungan:

| | |
|----|--------------------------------------|
| 02 | Pesanan dari Ketua Pegawai Eksekutif |
| 04 | Objektif Dana |
| 05 | Penilaian Pelaburan |
| 10 | Prestasi Dana |
| 11 | Tinjauan Pelaburan |
| 14 | Sorotan Kewangan |
| 18 | Butir-butir Pelaburan |
| 26 | Penyata Aset dan Liabiliti |
| 29 | Penyata Pertukaran Nilai Aset Bersih |
| 32 | Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan |
| 35 | Ringkasan Polisi Perakaunan Penting |
| 37 | Laporan Pengarah |
| 38 | Laporan Juruaudit |

Rasional Muka Hadapan

Khasiat dan persekitaran yang bersesuaian adalah faktor-faktor yang penting bagi sebutir benih bercambah kepada sejenis tumbuhan. Di Prudential, kami mendalami segala pengalaman baru dari sesuatu yang mudah dan menggunakannya dalam usaha kami untuk sentiasa memperbaiki perkhidmatan kami kepada anda.

Daya ketahanan dan komitmen kami adalah khasiat yang sentiasa merupakan sebab asas bagi pertumbuhan kami yang berterusan. Pelaburan Syariah kami yang menyeluruh telah dilaburkan ke dalam keadaan pasaran yang bersesuaian bagi potensi pulangan yang sebaik mungkin. Kami berusaha untuk merubah dan memperbaiki kehidupan melalui produk-produk dan perkhidmatan berinovatif kami selaras dengan pertumbuhan kami.

“Pekerjaan. Kehidupan. Dengan dua patah perkataan yang mudah, kami ringkaskan hajat kami untuk terus menghasilkan nilai kepada para individu dan masyarakat secara am, sebagai penyedia peluang pekerjaan utama di seluruh dunia.”

Mohamad Salihuddin Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

Pesanan Dari Ketua Pegawai Eksekutif

Pemegang polisi yang dihormati,

Saya sukacita dapat berkongsi dengan anda prestasi baik Prudential BSN Takaful Berhad dalam tahun 2007 walaupun dihadapi cabaran-cabaran daripada pertumbuhan ekonomi global akibat peningkatan harga minyak dan krisis subprima Amerika Syarikat (AS).

Dengan sokongan padu anda, kami telah mengatasi segala rintangan dan telah melepasi had yang kami tetapkan. Kepercayaan dan keyakinan anda telah memberi kami ketabahan dan kekuatan untuk berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dan mencapai kecemerlangan. Kami amat berbesar hati dan ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda!

Tahun lepas sememangnya penuh dengan cabaran, walau bagaimanapun, ia adalah satu tahun yang amat menarik bagi kami di mana banyak aktiviti telah dianjurkan dengan pelbagai matlamat yang harus dicapai. Acara-acara seperti "roadshow" dan yang berteraskan komuniti diadakan di seluruh negara telah mengeratkan lagi silaturahim dan membolehkan kami mengenali dan berinteraksi dengan anda. Ini telah membantu kami untuk lebih memahami keperluan anda. Kami bersedia untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang baru dan berinovatif bagi memenuhi keperluan takaful dan kewangan anda.

Ini adalah laporan kewangan kami yang pertama dan saya amat terharu melihat perjalanan kami dalam masa yang begitu singkat. Adalah ketara bahawa kami telah mengambil langkah yang tepat dalam memenuhi keperluan para pelanggan kami melalui usaha-usaha yang diambil untuk mendengar keperluan anda.

Keputusan kewangan kami tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan para pelanggan kami. Saya, serta pasukan di PruBSN, ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada anda di atas kepercayaan anda terhadap kami bagi menguruskan pelaburan anda. Kami berharap tahun 2008 adalah lebih baik untuk kami semua dan kami juga berharap untuk terus memberi perkhidmatan kepada anda.

Yang benar,



Mohamad Salihuddin Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif
PruBSN Takaful Berhad

Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti bermatlamat untuk memaksimumkan pulangan untuk jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham berkualiti tinggi yang diluluskan oleh Syariah dan tersenarai di Bursa Malaysia.

Takafulink Dana Bon bermatlamat untuk memberi pengumpulan modal jangka masa panjang dengan melabur dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam (IPDS atau Islamic Debt Securities) terpilih dan Kemudahan Pembiayaan Islam (IFF atau Islamic Financing Facilities).

Takafulink Dana Urus berusaha memaksimumkan pulangan untuk jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam saham yang diluluskan oleh Syariah serta IPDS dan IFF melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon, dan dalam mana-mana dana Takafulink lain seumpamanya yang mungkin tersedia pada masa depan.

Penilaian Pelaburan

Pasaran Ekuiti

Walaupun telah mencatat pulangan yang baik sebanyak +23.8% dalam tahun 2006, Indeks Syariah Kuala Lumpur (“KLSI”) memulakan tahun 2007 dengan optimistik dan bersemangat. Peningkatan aktiviti Penggabungan dan Pengambilalihan (M&A atau Mergers & Acquisition) di kedua-dua belah lautan Atlantik serta data inflasi yang baik membawa kepada peningkatan pasaran saham global ke tahap ketinggian baru dalam dua bulan pertama tahun tersebut.

Satu pembedahan pada bulan Februari menyebabkan pasaran global jatuh mendadak berikutan usaha kerajaan Cina mengambil tindakan terhadap saham spekulasi pasaran, kebimbangan terhadap masalah pasaran pinjaman subprima Amerika Syarikat (AS) akan memberi kesan kepada ekonomi yang lebih meluas dan komen daripada Pengerusi Bank Rizab Persekutuan

(Federal Reserve), Alan Greenspan bahawa besar kemungkinan AS akan mengalami kemelesetan.

Pasaran tidak menghiraukan junaman pasaran pada Februari dan meneruskan trend peningkatan pada suku kedua kerana sentimen di bursa tempatan telah dirangsangkan oleh kesan limpahan daripada pertunjukan kukuh Dow Jones Industrial Average (“DJIA”) dan bursa-bursa serantau utama lain yang meningkat secara umumnya akibat daripada pendapatan korporat pada suku pertama tahun 2007 yang memberangsangkan dan data ekonomi yang positif. Saham-saham pertanian menerajui peningkatan ini, disokong oleh harga Minyak Sawit Mentah (crude palm oil atau CPO) yang melepasi tahap RM2,500 setan metrik. Harga minyak pula sebaliknya, kekal stabil secara relatifnya pada tempoh ini, berada pada tahap di antara AS\$65 ke AS\$70 setong.

Menyokong dasar pasaran optimistik ialah data ekonomi makro yang mengusulkan tanda-tanda pemulihan ekonomi global telah mula muncul dalam industri perkhidmatan dan pengeluaran yang telah berkembang dengan pesat pada suku kedua berbanding dengan suku pertama. Berita dalam negeri bercampur dengan berita cadangan pengswastaan Maxis Communications Bhd dan pemansuhan Cukai Pendapatan Sebenar Harta Tanah dan ketidaksekataan perakaunan Transmile Group Bhd menyebabkan pelabur-pelabur lebih berhati-hati. Pasaran bertindak balas secara positif kepada pengumuman kakitangan Kerajaan yang bakal menerima kenaikan gaji antara 7.5% hingga 35%.

Suku ketiga bermula dengan kedudukan yang kukuh di mana KLSI mencapai tahap tertinggi baru dengan 210.89 mata, kadar pertukaran Ringgit

mencecah RM3.4015 untuk setiap Dolar AS dan semua pasaran serantau melambung naik ke tahap ketinggian baru. Tetapi ini tidak berkekalan kerana kesan krisis pinjaman subprima AS menyerlah dengan pengumuman America Home Mortgage dari AS bahawa ia mungkin terpaksa dibubarkan kerana ia tidak lagi berupaya membiayai pinjaman perumahan. Ini menyebabkan pasaran ekuiti menjunam. KLSI tidak terlepas dari jualan ekuiti global kerana pelabur menjual ekuiti dari pasaran-pasaran baru dan sedang muncul secara besar-besaran pada bulan Ogos yang bergolak. Kebimbangan mengenai kerugian dalam pasaran kredit menjadi bertambah buruk setelah bank pelaburan AS, Bear Stearns berkata pergolakan masalah pasaran pinjaman subprima memaksa ia menamatkan dua daripada dana lindung nilainya (hedge funds). Pasaran berusaha memantul balik tetapi untuk tahap yang singkat

dan tidak berkekalan. Sentimen kekal negatif di mana pelabur global menjadi bimbang dengan peningkatan kegagalan membayar balik di kalangan gadaian subprima mungkin melimpahi ke pasaran-pasaran kredit lain dan sejurusnya menjejaskan pendapatan korporat. Sentimen negatif ini bertambah apabila harga minyak meningkat dengan mantap daripada AS\$70 ke AS\$80 setong akibat daripada kekurangan bekalan, kelemahan dalam jumlah pekerjaan di AS dan peningkatan tekanan inflasi di China. Dalam satu langkah untuk mengelakkan krisis kewangan, Bank Rizab Persekutuan AS memotong kadar diskaun sebanyak 50 dasar mata iaitu daripada 6.25% ke 5.75% bagi menyediakan tambahan kecairan untuk institusi kewangan AS. Ini adalah satu penanggulangan yang dialu-alukan oleh pasaran ekuiti yang telah terjejas.

Pasaran kembali optimis pada bulan September setelah para pelabur mengalu-alukan keputusan Bank Rizab Persekutuan untuk memotong kadar faedah AS sebanyak 50 mata asas kepada 4.75% semasa mesyuarat pada 18 September. Aliran berita domestik seperti pengumuman Bajet 2008 yang “menyokong pilihan raya serta mesra rakyat’ dan pelaburan sebanyak RM4.2 bilion di dalam Rantau Pembangunan Iskandar oleh para pelabur dari Timur Tengah telah membantu pemulihan pasaran dari tahap rendah yang dialami dalam bulan Ogos. Pengumuman usahanyah-penggabungan oleh Telekom Malaysia Bhd untuk memisahkan operasi bersel dari perniagaantalian tetap dan jalur lebar telah diterima dengan baik oleh dana-dana asing.

Suku keempat merupakan suatu tempoh yang tidak dapat diduga di mana Indeks Syariah Kuala

Lumpur (KLSI) telah mengikut kadar naik turun aliran Wall Street. Pengumuman-pengumuman negatif dari bank-bank pelaburan utama di ASAS dan Eropah serta syarikat-syarikat pembiayaan dari AS seperti Freddie Mac dan Fannie Mae yang melaporkan kerugian dari krisis pinjaman subprima telah membawa kesan yang ketara terhadap pasaran stok. Pasaran Asia juga telah menuruti ayunan ini. Peningkatan harga minyak kasar kepada AS\$99 setong juga telah menyumbang kepada keadaan pasaran. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran mula pulih apabila para pelabur telah menjangka langkah Bank Rizab Persekutuan untuk memotong kadar faedahnya sebanyak 0.25% mata asas kepada 4.25%. Dari segi domestik, di antara peristiwa penting bagi suku ini termasuk harga CPO yang mencecah RM2,900 setan, pelancaran Rantau Ekonomi Pantai Timur dan jangkaan penyenaian

syarikat perladangan terbesar di dunia, Kumpulan Sime Darby Bhd. Bulan November menyaksikan KLSI, yang sebelum ini merupakan indeks tanda aras bagi kaunter-kaunter Syariah, digantikan dengan Indeks Syariah EMAS Bursa Malaysia-FTSE (FBMSI atau FTSE-Bursa Malaysia Syariah Index) berikutan usaha sama berterusan di antara Bursa Malaysia dan Kumpulan FTSE dari United Kingdom.

Sebagai langkah yang menenangkan, Bank Rizab Persekutuan, Bank Pusat Eropah dan bank-bank pusat dari United Kingdom, Kanada dan Switzerland telah mengumumkan penyediaan pinjaman berbilion bagi mengurangkan kadar faedah serta memudahkan penyediaan kredit.

FBMSI telah ditutup penghujung tahun pada 10,533.13 mata.

Pasaran Bon

Kami telah menjangka bahawa kadar faedah domestik akan memuncak menjelang 2007. Sebaliknya, Bank Negara Malaysia (“BNM”) telah menetapkan Kadar Polisi Semalaman pada 3.50% semenjak April 2006 dan di dalam kesemua lapan Mesyuarat Jawatankuasa Polisi Kewangan pada 2007, ia mengekalkan penyesuaian polisi kewangan disandarkan pada kadar inflasi yang dapat dikawal, bagi menyokong ekonomi domestik. Di AS, selepas mengekalkan kadar dana persekutuan pada 5.25% semenjak Jun 2006, Bank Rizab Persekutuan telah memotong kadar dana persekutuannya sebanyak tiga kali pada penghujung tahun 2007, dari 5.25% kepada 4.25% di 2007, di dalam usahanya untuk mengawal kelembapan ekonomi berikutan leburan pinjaman subprima pada Julai/Ogos, dengan itu mengurangkan jurang perbezaan di antara kadar faedah domestik dan AS dari 1.75% kepada 0.75%.

Purata kadar Akaun Pelaburan Am (“GIA”) 12 bulan pada tahun 2007 adalah di dalam lingkungan 3.40%-3.60%. Walaupun keadaan kadar faedah agak stabil, bon domestik telah pulih semasa hasil bon jatuh dan keluk hasil mendarat pada Disember 2006 dan lima bulan pertama tahun 2007, akibat dari kelebihan kecairan, kadar inflasi yang sederhana, pengurangan jangkaan kenaikan kadar faedah, jangkaan kenaikan Ringgit Malaysia, dan penyertaan Sekuriti Kerajaan Malaysia (“MGS”) ke dalam Indeks Bon Kerajaan Dunia Citigroup pada Julai 2007. Sejurus itu, hasil bon domestik telah mengalami perubahan yang tinggi dan mencatat aliran kecondongan ke atas akibat dari kemerosotan cagaran pinjaman subprima serta penjualan mata wang serantau, dan diakhiri pada tahap yang lebih tinggi berbanding permulaan tahun, dengan keluk hasil yang lebih curam.

Prestasi Dana

Takafulink Dana Ekuiti

Pada 31 Disember 2007, Nilai Aset Bersih seunit bagi Takafulink Dana Ekuiti meningkat kepada RM1.358 dari RM1.000 semasa pelancaran dana pada 1 Disember 2006, mewakili kenaikan sebanyak 35.8% untuk jangka masa tersebut. Prestasi yang kukuh ini disebabkan pengagihan aset yang tepat pada waktunya di antara ekuiti dan tunai di samping pilihan stok yang baik di dalam portfolio kami.

Bermula 1 November 2007, Indeks Syariah Kuala Lumpur (KLSI) akan digantikan dengan Indeks Syariah EMAS Bursa Malaysia-FTSE (FBMSI).

Takafulink Dana Bon

Pada 31 Disember 2007, Nilai Aset Bersih seunit bagi Takafulink Dana Bon meningkat kepada RM1.041 dari RM1.000 semasa pelancaran dana pada 1 Disember 2006, mencatatkan pulangan sebanyak 4.1% untuk jangka masa tersebut. Pulangan yang baik ini dicapai di dalam suatu tempoh yang penuh keraguan di dalam pasaran kredit global. Di samping itu, pilihan yang teliti dalam terbitan-terbitan yang berkualiti telah membolehkan kami mencapai pulangan yang baik.

Takafulink Dana Urus

Pada 31 Disember 2007, Nilai Aset Bersih seunit Takafulink Dana Urus adalah sebanyak RM1.292 berbanding dengan RM1.000 sewaktu pelancaran dana tersebut pada 1 Disember 2006, yang mencatatkan pulangan sebanyak 29.2% pada tempoh tersebut.

Tinjauan Pelaburan

Pasaran global memasuki tahun 2008 dengan sentimen yang tidak menentu setelah masalah pinjaman gadai janji subprima AS, yang kemungkinan belum lagi memuncak terus mempengaruhi pasaran kewangan dunia. Hanya masa yang dapat menentukan sekiranya usaha bersama bank-bank pusat di seluruh dunia dapat menyediakan kecairan yang boleh menghindarkan krisis ini dari berlanjutan. Harga minyak mentah yang tinggi melebihi AS\$90 setong terus menjadi faktor yang mencacatkan pertumbuhan global dan petanda ekonomi utama AS dan Eropah menunjukkan pengurangan aktiviti-aktiviti pada bulan-bulan yang akan datang. Asia terus bertahan dengan China menerajui pertumbuhannya, akan tetapi kebimbangan pertumbuhan berlebihan dan inflasi yang kian memuncak bermakna pihak berkuasa China akan terus mengambil langkah untuk mengimbangi ekonominya.

Pasaran ekuiti Malaysia sering dilabel sebagai pasaran “defensif dan berbeta rendah”, manakala pandangan firma kami pula adalah senario pada kali ini tiada bezanya. Kami berpendapat bahawa ada beberapa faktor utama yang mungkin akan menyaksikan pasaran ekuiti domestik akan terus disokong pada tempoh yang terdekat. Pertama sekali, pertumbuhan ekonomi yang kekal stabil disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang kukuh. Perbelanjaan pengguna juga telah mula meningkat dalam beberapa suku tahun lepas dan akan mengimbangi impak pengurangan permintaan terhadap eksport Malaysia. Harga komoditi yang tinggi kekal pada tahapnya disebabkan penggunaan minyak sayuran melebihi pengeluarannya pada 2008, yang sebaliknya memberi kesan baik terhadap harga CPO. Keduanya, perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi dijangka dengan lebih banyak projek di

bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) dan pelbagai koridor ekonomi (Pantai Timur dan Utara) berjalan lancar. Ketiga, usaha pengstruktur semula berterusan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC atau Government-Linked Corporations) dan para pelabur akan ingin melihat hasil ketara ke atas prestasi kewangan pada 2008. Akhir sekali, Pilihanraya Umum yang bakal tiba juga merupakan peristiwa utama bagi pasaran ekuiti yang telah menyaksikan indeks komposit mencapai prestasi yang baik pada tahun-tahun pilihanraya yang lalu.

Kes asas senario kami berdasarkan ekonomi AS berkemungkinan akan menunjukkan kelemahan pada separuh tahun pertama 2008, tetapi ia akan pulih semula pada penghujung 2008 dengan pertumbuhan positif. Ia berdasarkan, pertama sekali pada fakta pertumbuhan ekonomi di seluruh dunia secara umumnya dan di negara-negara

membangun adalah pada tahap yang memuaskan, yang sepatutnya membolehkan AS mengimbangi masalahnya dengan lebih mudah. Keduanya, Kerajaan AS telah memulakan pelan penyelamat untuk membekukan kadar faedah sesetengah gadaai janji akan membantu para peminjam delinkuen dan mengelakkan perampasan harta gadaian syarikat secara besar-besaran. Dan ketiga, kadar faedah yang semakin berkurangan dan hanya masa akan menentukan sebelum krisis kredit memuncak dan impak stimulatif dari kos pinjaman yang lebih rendah dirasai dalam menggalakkan aktiviti perniagaan.

Walaupun kami akan menggunakan strategi defensif dengan pemantauan berterusan terhadap kemungkinan betapa mendalamnya kesan kejatuhan subprima, pasaran kredit dan derivatif AS, kami juga akan mencari peluang

untuk menggandakan pulangan bagi jangka masa panjang. Walaupun kami bersetuju bahawa persekitaran mungkin tidak menentu pada jangka masa terdekat, kami percaya bahawa falsafah pelaburan jangka masa panjang kami yang bertumpu pada pelaburan di dalam syarikat-syarikat yang mempunyai pendapatan yang ketara, pengurusan yang baik dan aliran tunai yang stabil akan dapat menyokong dana-dana kami dan kami yakin bahawa strategi ini akan dapat membantu kami mengatasi jangkitaan saat-saat yang genting.

Pada tinjauan kadar faedah domestik, BNM dijangka akan meneruskan usahanya untuk menjana pertumbuhan ekonomi, walaupun ia telah memberi amaran mengenai risiko pertumbuhan global yang semakin perlahan disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran kredit global. Memandangkan tekanan inflasi yang mampu ditangani dan tumpuan terhadap pertumbuhan ekonomi, kami percaya bahawa kadar domestik akan tetap pada tahap sedia ada hampir sepanjang tahun ini.

Sorotan Keuangan

Untuk tahun keuangan berakhir 31 Desember 2007

Takafulink Dana Ekuiti

| Kategori | 2007 % |
|---|-----------|
| Saham yang diluluskan oleh Syariah | |
| Bahan Pembinaan | 6.77 |
| Konglomerat | 13.15 |
| Pembinaan | 8.47 |
| Pengguna | 1.55 |
| Industri | 3.66 |
| Media | 3.14 |
| Motor | 3.76 |
| Minyak dan Gas | 10.24 |
| Perladangan | 6.57 |
| Tenaga | 7.04 |
| Hartanah | 5.30 |
| Teknologi | 3.31 |
| Telekomunikasi | 4.35 |
| Pembalakan | 0.41 |
| Pengangkutan | 4.37 |
| Air | 2.07 |
| | 84.16 |
| Tunai dan Deposit | 18.63 |
| Aset-aset Lain | (0.01) |
| Jumlah Liabiliti | (2.78) |
| Jumlah | 100.00 |

Sorotan Kewangan

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti (sambungan)

| | 2007 |
|---|------------|
| | % |
| Jumlah Nilai Aset Bersih (RM) | 22,179,241 |
| Unit dalam Pengedaran | 16,330,676 |
| Nilai Aset Bersih Seunit (RM) | 1.3581 |
| Nilai Aset Bersih Tertinggi seunit (RM) | 1.363 |
| Nilai Aset Bersih Terendah seunit (RM) | 0.983 |
| Jumlah Pulangan (*) | |
| - Pertumbuhan Modal | 35.81% |

Pulangan Tahunan Purata - Dana (*)

Tempoh

| | |
|-----------------|--------|
| Sejak penubuhan | 35.81% |
|-----------------|--------|

Pulangan Tahunan Purata - Penanda Aras :KLSI (lama - seperti pada Okt 2007) =36.12%

FBMSI (Indeks Syariah baru) =45.38%

Tempoh

| | |
|-----------------|--------|
| Sejak penubuhan | 43.69% |
|-----------------|--------|

*Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima tempat perpuluhan

Sorotan Kewangan

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Bon

| Kategori | 2007 % |
|---|---------------|
| Sekuriti Hutang Islam | 85.40 |
| Tunai dan Deposit | 14.16 |
| Aset-aset Lain | 1.07 |
| Jumlah Liabiliti | (0.63) |
| Jumlah | 100.00 |
| Jumlah Nilai Aset Bersih (RM) | 11,704,512 |
| Unit dalam Pengedaran | 11,238,402 |
| Nilai Aset Bersih Seunit (RM) | 1.041 |
| Nilai Aset Bersih Tertinggi Seunit (RM) | 1.043 |
| Nilai Aset Bersih Terendah Seunit (RM) | 1.000 |
| Jumlah Pulangan (*) | |
| -Pertumbuhan Modal | 4.15% |

Pulangan Tahunan Purata - Dana (*)

Tempoh

| | |
|-----------------|-------|
| Sejak penubuhan | 4.15% |
|-----------------|-------|

Pulangan Tahunan Purata - Tanda Aras: MBB 1 bulan Kadar Deposit Islam Peringkat 2

Tempoh

| | |
|-----------------|-------|
| Sejak penubuhan | 3.20% |
|-----------------|-------|

*Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima tempat perpuluhan

Sorotan Kewangan

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Urus

| Kategori | 2007 % |
|----------|-----------|
|----------|-----------|

| | |
|-----------------------------|---------------|
| Pelaburan dalam | |
| Dana Takafulink Dana Ekuiti | 84.84 |
| Dana Takafulink Dana Bon | 15.16 |
| Aset-aset Lain | - |
| Jumlah | 100.00 |

| | |
|---|-----------|
| Jumlah Nilai Aset Bersih (RM) | 3,047,901 |
| Unit dalam Pendedaran | 2,358,805 |
| Nilai Aset Bersih Unit (RM) | 1.292 |
| Nilai Aset Bersih Tertinggi Seunit (RM) | 1.292 |
| Nilai Aset Bersih Terendah Seunit (RM) | 0.987 |
| Jumlah Pulangan (*) | |
| -Pertumbuhan Modal | 29.21% |

Pulangan Tahunan Purata - Dana (*)

Tempoh

| | |
|-----------------|--------|
| Sejak penubuhan | 29.21% |
|-----------------|--------|

Pulangan Tahunan Purata - Tanda Aras: 0%FBMSI + 15% MBB 1 bulan Peringkat 2 Kadar deposit Islam + 15% 3 tahun Terbitan Islam Kerajaan (Government Islamic Issue atau GII)

Tempoh

| | |
|-----------------|--------|
| Sejak penubuhan | 30.22% |
|-----------------|--------|

*Pulangan dana dikira berdasarkan pada lima tempat perpuluhan

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti

| Ekuiti | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai Pasaran (RM) | % Dana |
|------------------------------|----------|-------------|--------------------------|-----------|
| Bahan Pembinaan | | | | |
| CEMENT INDUSTRIES OF MAL-BHD | 36,000 | 183,837 | 233,222 | 1.05% |
| HIAP TECK VENTURE BHD | 170,000 | 344,765 | 331,251 | 1.49% |
| KINSTEEL BHD | 287,000 | 384,641 | 386,272 | 1.74% |
| LAFARGE MALAYAN CEMENT BHD | 60,800 | 328,200 | 357,245 | 1.61% |
| ORNASTEEL HOLDINGS BHD | 131,000 | 203,127 | 194,733 | 0.88% |
| | | 1,444,570 | 1,502,723 | 6.77% |
| Konglomerat | | | | |
| MALAYSIAN RESOURCES CORP BHD | 119,000 | 247,712 | 304,785 | 1.37% |
| MMC CORPORATION BERHAD | 20,000 | 77,663 | 186,818 | 0.84% |
| SIME DARBY BERHAD | 156,298 | 1,301,825 | 1,868,130 | 8.42% |
| UEM WORLD BHD | 80,000 | 325,730 | 316,587 | 1.44% |
| YTL CORPORATION BERHAD | 30,000 | 206,958 | 238,043 | 1.07% |
| YTL POWER BHD | 2,000 | 2,000 | 2,973 | 0.01% |
| | | 2,161,887 | 2,917,336 | 13.15% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti (sambungan)

| Ekuiti | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai | |
|-----------------------------------|----------|-------------|-----------------|-----------|
| | | | Pasaran (RM) | % Dana |
| Pembinaan | | | | |
| AHMAD ZAKI RESOURCES BERHAD | 52,800 | 64,328 | 171,825 | 0.77% |
| GAMUDA BHD | 56,000 | 205,937 | 271,108 | 1.22% |
| IJM CORP BHD | 25,000 | 202,636 | 215,946 | 0.97% |
| LINGKARAN TRANS KOTA HLDGS | 33,000 | 100,201 | 128,603 | 0.58% |
| MUHIBBAH ENGINEERING (M) BERHAD | 100,000 | 102,643 | 377,654 | 1.70% |
| PLUS EXPRESSWAYS BHD | 48,000 | 138,687 | 158,133 | 0.71% |
| PRINSIPTEK CORPORATION BHD | 50,000 | 45,952 | 44,194 | 0.20% |
| PROTASCO BHD | 18,000 | 14,561 | 17,718 | 0.08% |
| UEM BUILDERS BHD | 141,000 | 223,248 | 172,777 | 0.78% |
| WCT ENGINEERING BHD | 18,666 | 54,780 | 156,547 | 0.71% |
| ZELAN BHD | 30,000 | 80,201 | 164,219 | 0.75% |
| | | 1,233,174 | 1,878,724 | 8.47% |
| Konsumer | | | | |
| MAMEE DOUBLE DECKER BERHAD | 42,800 | 123,281 | 96,724 | 0.44% |
| NESTLE (MALAYSIA) BERHAD | 3,000 | 72,941 | 79,097 | 0.36% |
| PELIKAN INTERNATIONAL CORP BERHAD | 23,000 | 75,392 | 109,962 | 0.50% |
| POS MALAYSIA BHD | 24,000 | 115,468 | 58,818 | 0.27% |
| | | 387,082 | 344,600 | 1.55% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti (sambungan)

| Ekuiti | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai Pasaran (RM) | % Dana |
|----------------------------------|-----------------|---------------------|-----------------------------------|-------------------|
| Perindustrian | | | | |
| ASIA FILE CORP BHD | 20,000 | 186,818 | 114,502 | 0.52% |
| ASIA FILE BHD - Terbitan Bonus | 12,000 | - | 68,701 | 0.31% |
| CHEMICAL CO OF MALAYSIA BERHAD | 13,000 | 43,149 | 37,474 | 0.17% |
| KOSSAN RUBBER INDUSTRIES | 50,000 | 224,211 | 195,858 | 0.88% |
| PPB GROUP BERHAD | 21,000 | 106,468 | 232,016 | 1.05% |
| V.S. INDUSTRY BERHAD | 41,000 | 162,112 | 163,898 | 0.73% |
| | | 722,758 | 812,449 | 3.66% |
| Media | | | | |
| NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BHD | 117,500 | 271,901 | 234,854 | 1.06% |
| SIN CHEW MEDIA CORP BHD | 79,000 | 212,746 | 215,032 | 0.97% |
| STAR PUBLICATIONS (MALAYSIA) BHD | 71,600 | 245,619 | 247,388 | 1.11% |
| | | 730,266 | 697,274 | 3.14% |
| Motor | | | | |
| APM AUTOMOTIVE HOLDINGS BHD | 46,000 | 101,646 | 107,652 | 0.49% |
| BOON KOON GROUP BHD | 218,000 | 278,196 | 164,219 | 0.74% |
| PROTON HOLDINGS BHD | 20,100 | 122,274 | 74,293 | 0.33% |
| UMW HOLDINGS BHD | 31,000 | 373,867 | 485,728 | 2.20% |
| | | 875,983 | 831,891 | 3.76% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti (sambungan)

| Ekuiti | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai Pasaran (RM) | % Dana |
|--|----------|-------------|--------------------------|-----------|
| Minyak & Gas | | | | |
| DIALOG GROUP BHD | 112,000 | 119,867 | 203,612 | 0.92% |
| EASTERN PACIFIC INDUS CORP | 50,000 | 68,237 | 131,576 | 0.59% |
| PANTECH GROUP HOLDINGS BERHAD | 88,700 | 240,487 | 266,380 | 1.20% |
| PETRA ENERGY BHD | 70,000 | 245,543 | 237,641 | 1.07% |
| PETRA PERDANA BERHAD | 40,000 | 137,905 | 216,950 | 0.98% |
| PETRONAS DAGANGAN BHD | 45,300 | 379,898 | 393,569 | 1.77% |
| PETRONAS GAS BHD | 56,300 | 572,180 | 605,061 | 2.73% |
| SCOMI GROUP BHD | 80,000 | 83,619 | 111,689 | 0.50% |
| TANJUNG OFFSHORE BHD | 35,000 | 75,746 | 105,462 | 0.48% |
| | | 1,923,482 | 2,271,940 | 10.24% |
| Perladangan | | | | |
| ASIATIC DEVELOPMENT BERHAD | 31,900 | 177,084 | 277,149 | 1.25% |
| IJM PLANTATIONS BHD | 16,000 | 27,672 | 52,711 | 0.24% |
| KUALA LUMPUR KEPONG BHD | 42,500 | 596,780 | 742,754 | 3.35% |
| SARAWAK PLANTATION BERHAD | 81,000 | 252,471 | 257,086 | 1.16% |
| UNITED PLANTATIONS BHD | 10,000 | 101,444 | 127,559 | 0.57% |
| | | 1,155,451 | 1,457,259 | 6.57% |
| Kuasa | | | | |
| TENAGA NASIONAL BHD | 115,000 | 1,239,880 | 1,108,858 | 5.00% |
| TENAGA NASIONAL BHD - Terbitan Bonus | 25,000 | 281,864 | 241,056 | 1.09% |
| YTL POWER INTERNATIONAL BHD | 78,000 | 167,949 | 211,528 | 0.95% |
| YTL POWER INTERNATIONAL BHD - Terbitan Bonus | | | | |
| | | 1,689,693 | 1,561,441 | 7.04% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti (sambungan)

| Ekuiti | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai Pasaran (RM) | % Dana |
|----------------------------------|----------|-------------|--------------------------|-----------|
| Hartanah | | | | |
| KLCC PROPERTY HOLDINGS BHD | 86,000 | 311,927 | 302,324 | 1.36% |
| NAIM CENDERA HOLDINGS BHD | 79,000 | 393,960 | 374,521 | 1.69% |
| SP SETIA BHD | 40,000 | 190,288 | 200,076 | 0.90% |
| SP SETIA BHD - Terbitan Bonus | 20,000 | 95,144 | 100,038 | 0.45% |
| SP SETIA WARRANTS - Terbitan Hak | 10,000 | - | - | 0.00% |
| IOI PROPERTIES BERHAD | 15,000 | 183,805 | 197,365 | 0.90% |
| | | 1,175,124 | 1,174,324 | 5.30% |
| Teknologi | | | | |
| MALAYSIAN PACIFIC INDUSTRIES | 26,000 | 245,677 | 242,864 | 1.10% |
| UCHI TECHNOLOGIES BHD | 80,000 | 256,064 | 214,540 | 0.97% |
| UNISEM (M) BERHAD | 167,000 | 274,790 | 276,762 | 1.24% |
| | | 776,531 | 734,166 | 3.31% |
| Telekomunikasi | | | | |
| DIGI.COM BHD | 10,000 | 216,361 | 249,091 | 1.12% |
| TELEKOM MALAYSIA BHD | 47,000 | 464,173 | 528,716 | 2.38% |
| TIME DOTCOM BHD | 245,000 | 231,370 | 185,789 | 0.85% |
| | | 911,904 | 963,596 | 4.35% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti (sambungan)

| Ekuiti | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai | |
|------------------------------------|----------|-------------------|-------------------|---------------|
| | | | Pasaran (RM) | % Dana |
| Pembalakan | | | | |
| JAVA INCORPORATED BERHAD | 25,000 | 85,374 | 42,436 | 0.19% |
| TA ANN HOLDINGS BERHAD | 7,000 | 64,261 | 49,216 | 0.22% |
| | | 149,635 | 91,652 | 0.41% |
| Pengangkutan | | | | |
| AIRASIA BHD | 66,000 | 98,841 | 106,065 | 0.48% |
| BINTULU PORT HOLDINGS BHD | 65,500 | 371,866 | 401,308 | 1.81% |
| MISC BHD | 47,000 | 429,885 | 460,266 | 2.08% |
| | | 900,592 | 967,639 | 4.37% |
| Air | | | | |
| JAKS RESOURCES BHD | 141,000 | 180,510 | 188,354 | 0.85% |
| SALCON BERHAD | 130,000 | 113,410 | 156,686 | 0.71% |
| SALCON BHD-WT 23/05/2014 | 46,000 | - | 31,418 | 0.14% |
| YLI HOLDINGS BHD | 30,000 | 59,963 | 82,863 | 0.37% |
| | | 353,883 | 459,321 | 2.07% |
| Jumlah Nilai Pasaran Ekuiti | | 16,592,016 | 18,666,336 | 84.16% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Bon

| Sekuriti Hutang Islam | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai Pasaran (RM) | % Dana |
|---|-----------|-------------|--------------------------|-----------|
| Bon Islam | | | | |
| SAJ HOLDINGS SDN BHD 5.9% 25/10/2010 SYARIKAT PENGELUAR AIR SUNGAI | 1,000,000 | 1,045,500 | 1,039,707 | 8.88% |
| SELANGOR SDN BHD 5.27% 27/05/2011 | 1,000,000 | 1,034,100 | 1,032,317 | 8.82% |
| BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 6.25% 05/09/2011 | 1,000,000 | 1,065,800 | 1,044,458 | 8.92% |
| AMISLAMIC BANK BHD 4.8% 21/12/2011 | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,001,184 | 8.55% |
| NUCLEUS AVENUE (M) BERHAD 5.783% 30/04/2013 | 1,000,000 | 1,009,220 | 1,037,046 | 8.86% |
| TEKNOLOGI TENAGA PERLIS CONSOR 8.9% 12/09/2014 | 500,000 | 633,000 | 625,487 | 5.34% |
| JIMAH ENERGY VENTURES SDN BHD 7.65% 12/11/2014 | 1,000,000 | 1,156,600 | 1,095,133 | 9.36% |
| BINARIANG GSM SDN BHD 5.65% 26/12/2014 | 1,000,000 | 1,008,610 | 1,015,356 | 8.67% |
| BANK PEMBANGUNAN & INFRASTRUKTUR BHD 5.7% 25/04/2016 | 1,000,000 | 1,094,200 | 1,072,951 | 9.17% |
| PLUS EXPRESSWAYS BHD 0% 17/06/2019 | 1,800,000 | 982,260 | 1,032,530 | 8.83% |
| | | 10,029,290 | 9,996,169 | 85.40% |
| Jumlah Nilai Pasaran Bon | | 10,029,290 | 9,996,169 | 85.40% |

Butir-butir Pelaburan

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Urus

| Pelaburan | Kuantiti | Kos (RM) | Nilai | |
|---|-----------|------------------|------------------|----------------|
| | | | Pasaran (RM) | % Dana |
| Pelaburan dalam Takafulink Dana Ekuiti | 1,903,970 | 2,447,274 | 2,585,839 | 84.84% |
| Pelaburan dalam Takafulink Dana Bon | 443,645 | 459,792 | 462,047 | 15.16% |
| Jumlah Nilai Pasaran dalam Pelaburan | | 2,907,066 | 3,047,886 | 100.00% |

Penyata Aset Dan Liabiliti

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti

| | 2007 | |
|--|-------------------|---------------|
| | RM | % |
| Pelaburan | | |
| Saham yang diluluskan oleh Syariah | 18,666,336 | 84.16 |
| Tunai dan Deposit | | |
| Tunai dalam bank | - | - |
| Deposit | 4,131,057 | 18.63 |
| Aset Cukai | - | (0.01) |
| Aset-aset lain | 930 | 0.00 |
| Jumlah Aset | 22,798,323 | 102.78 |
| Peruntukan untuk Cukai Tertunda | (108,868) | (0.48) |
| Liabiliti-liabiliti lain | (510,215) | (2.30) |
| Jumlah Liabiliti | (619,083) | (2.78) |
| | | |
| Nilai Aset Bersih Dana | 22,179,240 | 100.00 |
| | | |
| Dana Para Peserta | | |
| Modal | 19,186,286 | 86.51 |
| Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan | 2,992,954 | 13.49 |
| | 22,179,241 | 100.00 |
| | | |
| Nilai Aset Bersih Seunit (RM) | 1.358 | |
| | | |
| JUMLAH UNIT | 16,330,676 | |

Penyata Aset Dan Liabiliti

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Bon

| | 2007 | |
|--|-------------------|---------------|
| | RM | % |
| Pelaburan | | |
| Sekuriti Hutang Islam | 9,996,169 | 85.40 |
| Tunai dan Deposit | | |
| Tunai dalam bank | 7,661 | 0.07 |
| Deposit | 1,650,000 | 14.09 |
| Aset-aset lain | 125,268 | 1.07 |
| Jumlah Aset | 11,779,098 | 100.63 |
| Peruntukan untuk Cukai | (42,559) | (0.35) |
| Peruntukan untuk Cukai Tertunda | 0 | 0.00 |
| Liabiliti-liabiliti lain | (32,027) | (0.28) |
| Jumlah Liabiliti | (74,586) | (0.63) |
| Nilai Aset Bersih Dana | 11,704,512 | 100.00 |
| Dana Para Peserta | | |
| Modal | 11,302,250 | 96.56 |
| Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan | 402,262 | 3.44 |
| | 11,704,512 | 100.00 |
| Nilai Aset Bersih Seunit (RM) | 1.04147 | |
| JUMLAH UNIT | 11,238,402 | |

Penyata Aset Dan Liabiliti

Pada 31 Disember 2007

Takafulink Dana Urus

| | 2007 | |
|--|------------------|---------------|
| | RM | % |
| Pelaburan dalam | | |
| <i>Takafulink Dana Ekuiti</i> | 2,585,839 | 84.84 |
| <i>Takafulink Dana Bon</i> | 462,047 | 15.16 |
| Tunai dalam Bank | - | - |
| Aset-aset lain | 341 | 0.01 |
| Jumlah Aset | 3,048,227 | 100.01 |
| Jumlah Liabiliti | (326) | (0.01) |
| Nilai Aset Bersih Dana | 3,047,901 | 100.00 |
| Dana Para Peserta | | |
| Modal | 2,844,347 | 93.32 |
| Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan | 203,554 | 6.68 |
| | 3,047,901 | 100.00 |
| Nilai Aset Bersih Seunit (RM) | 1.29214 | |
| JUMLAH UNIT | 2,358,805 | |

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti

| | 2007 RM |
|--|-------------|
| Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun | - |
| Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan | 24,013,336 |
| Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan | (4,827,050) |
| Lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan | 2,992,954 |
| Nilai Dana pada penghujung tahun | 22,179,240 |

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Bon

| | 2007 RM |
|--|------------|
| Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun | - |
| Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan | 12,046,270 |
| Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan | (744,028) |
| Lebih pendapatan ke atas perbelanjaan | 402,262 |
| Nilai Dana pada penghujung tahun | 11,704,512 |

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Urus

| | 2007 RM |
|--|-------------|
| Nilai Aset Bersih pada permulaan tahun | - |
| Jumlah diterima daripada unit-unit yang diwujudkan | 4,444,658 |
| Jumlah dibayar untuk unit-unit yang dibatalkan | (1,600,311) |
| Lebih pendapatan ke atas perbelanjaan | 203,554 |
| Nilai Dana pada penghujung tahun | 3,047,901 |

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Ekuiti

| | 2007 |
|--|------------------|
| | RM |
| Pendapatan Pelaburan Bersih | 476,907 |
| Pendapatan Keuntungan | 65,127 |
| Pendapatan Dividen | 411,780 |
| Pendapatan dalam Pelupusan | 899,755 |
| Sekuriti | 899,755 |
| (Kerugian)/Pendapatan Modal Tidak Tercapai | 1,998,232 |
| Jumlah Pendapatan | 3,374,894 |
| Fi Pengurusan Pelaburan | (184,007) |
| Kerugian dalam Pelupusan | - |
| Sekuriti | - |
| Peruntukan untuk cukai | (180,501) |
| | - |
| Lain perbelanjaan | (17,432) |
| Jumlah perbelanjaan | (381,940) |
| Lebih pendapatan ke atas perbelanjaan | 2,992,954 |
| Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan | - |
| Jumlah Tersedia untuk Agihan | - |
| Pendapatan yang dijana dibawa ke depan | 2,992,954 |

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Bon

| | 2007 RM |
|--|------------------|
| Pendapatan Pelaburan Bersih | 544,277 |
| Pendapatan Keuntungan | 544,277 |
| Pendapatan dalam Pelupusan | - |
| Sekuriti | - |
| Kerugian Modal Tidak Tercapai | (33,121) |
| Jumlah Pendapatan | 511,156 |
| | |
| Fi Pengurusan Pelaburan | (58,743) |
| Kerugian dalam Pelupusan | (6,400) |
| Sekuriti | (6,400) |
| Kerugian Modal Tidak Tercapai | - |
| Peruntukan untuk cukai | (35,580) |
| Lain perbelanjaan | (8,171) |
| Jumlah perbelanjaan | (108,894) |
| | |
| Lebih pendapatan ke atas perbelanjaan | 402,262 |
| Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan | - |
| Jumlah Tersedia untuk Agihan | - |
| Pendapatan yang dijana dibawa ke depan | 402,262 |

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007

Takafulink Dana Urus

| | 2007 |
|--|----------------|
| | RM |
| Pendapatan Pelaburan Bersih | - |
| Pendapatan dalam Pelupusan | 62,987 |
| Sekuriti | 62,987 |
| (Kerugian)/Pendapatan Modal Tidak Tercapai | 140,820 |
| Jumlah Pendapatan | 203,807 |
| Fi Pengurusan Pelaburan | (253) |
| Jumlah perbelanjaan | (253) |
| Lebihan pendapatan ke atas perbelanjaan | 203,554 |
| Pendapatan yang dijana bawa ke hadapan | - |
| Jumlah Tersedia untuk Agihan | - |
| Pendapatan yang dijana dibawa ke depan | 203,554 |

Ringkasan Polisi Perakaunan Penting

1. Ringkasan Polisi Perakaunan Penting

a. Dasar Perakaunan

Akaun-akaun telah disediakan menurut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum di Malaysia dan keperluan sijil dokumen, diselaraskan oleh yang berikut:

- Untuk tujuan penetapan nilai harga unit pelaburan pada nilai pasaran yang disesuaikan untuk mengambil kira kos pembelian akan datang. Ini adalah untuk memastikan harga unit yang sekata bagi bakal pemegang unit, bakal pemegang unit tamat tempoh dan pemegang unit sedia ada; dan
- Bagi tujuan penetapan harga unit, peruntukan bagi pencukaian tertunda ke atas keuntungan belum direalisasi menggunakan kadar kiraan aktuari sebanyak 4% berbanding kadar berkanun sebanyak 8%. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa jika keuntungan ini hanya akan direalisasikan di masa hadapan, kadar faedah yang lebih rendah sebanyak 4% digunakan untuk memastikan penetapan harga unit yang sekata bagi bakal pemegang unit, bakal pemegang unit tamat tempoh dan pemegang unit sedia ada.

b. Pelaburan

Pelaburan yang disebut harga dinilai pada harga pasaran di penghujung tahun kewangan.

Bon-bon/saham-saham pinjaman yang tidak disebut harga dinilai pada harga sedia ada yang disebut harga oleh institusi-institusi kewangan.

- Keuntungan/kerugian bersih belum direalisasikan dalam nilai pelaburan dikreditkan atau dicaj ke akaun modal.
- c. **Pendapatan Dividen**
Pendapatan dividen dikenal pasti pada dasar akrual.
 - d. **Pendapatan Keuntungan**
Pendapatan keuntungan dikenal pasti pada dasar akrual.
 - e. **Keuntungan Jualan Pelaburan**
Keuntungan atau kerugian yang timbul hasil dari penjualan pelaburan akan dikreditkan atau dicaj kepada akaun modal.
 - f. **Fi Pengurusan Pelaburan**
Fi pengurusan pelaburan dikira menurut peruntukan dokumen sijil.
 - g. **Wang tunai dan persamaan tunai**
Wang tunai dan persamaan tunai merangkumi wang tunai di dalam tangan dan baki dengan bank-bank, tidak termasuk deposit Islam.
2. Lain-lain pengeluaran dalam bentuk caj-caj bank dan caj-caj pemegang amanah.
 3. Pada 31 Disember 2007, Dana tidak mempunyai liabiliti dan komitmen luar jangka.
 4. Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Laporan Pengarah

Menurut pendapat para Pengarah, penyata kewangan Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Dana Takafulink (“Dana”) yang terdapat di muka surat 26 hingga 36, yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2007 dan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan yang berkaitan serta Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 bersama dengan nota-nota tambahan, telah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, dan memberi gambaran yang benar dan wajar mengenai keadaan dana pada 31 Disember 2007 dan pergerakan di dalam Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih untuk Dana tersebut bagi tahun berakhir pada tarikh yang dinyatakan.

Ditandatangani mengikut resolusi Para Pengarah:

Abdul Khalil bin Abdul Hamid

Ng Keng Hooi

Kuala Lumpur
30 Mei 2008

Laporan Juruaudit

Kepada Pemegang Unit

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

Dana **TAKAFU**link

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang tertera pada muka surat 26 hingga 36 yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2007 dan penyata-penyata sehubungan dengannya iaitu Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Pertukaran Nilai Aset Bersih untuk tahun yang berakhir, dengan nota-nota tambahan. Persediaan penyata-penyata kewangan adalah tanggungjawab Pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat terhadap penyata-penyata kewangan berdasarkan pada audit kami.

Adalah tanggungjawab kami untuk membentuk pendapat yang bebas, berdasarkan pada audit kami, terhadap penyata-penyata kewangan dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai satu badan, selaras dengan GPI 33 - Garis panduan Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan (The Guidelines on Investment-Linked Business) dan bukan untuk tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada sesiapa yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mencapai jaminan yang wajar sama ada penyata-penyata kewangan tersebut adalah bebas daripada kenyataan yang salah. Pengauditan merangkumi pemeriksaan, secara pengujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan pada penyata kewangan. Audit juga mengandungi penilaian prinsip perakaunan dan anggaran ketara yang digunakan oleh Pengarah, serta menilaikan penyampaian keseluruhan penyata kewangan. Kami percaya audit kami memberi asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan tersebut menyampaikan keadaan Dana seperti pada 31 Disember 2007 dan pergerakan dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan, dan Penyata Pertukaran

Laporan Juruaudit (sambungan)

dalam Nilai Aset Bersih Dana untuk tahun yang telah berakhir, selaras dengan dasar perakaunan yang tertera pada Nota 1 untuk penyata kewangan tersebut dan GPI 33 - Garis Panduan Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan.

Kami ingin menarik perhatian anda kepada Nota 1a (ii) untuk penyata-penyata kewangan di mana satu kadar cukai yang lebih rendah telah digunakan untuk peruntukan pencukaian tertunda. Seperti dijelaskan sepenuhnya dalam Nota 1a (ii), Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah lebih adil bagi pemegang polisi untuk menggunakan kadar rendah daripada kadar cukai berkanun untuk menetapkan harga unit. Ini tidak membawa kepada kelayakan bagi pendapat kita.

KPMG

Kuala Lumpur

30 Mei 2008

Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)
Level 8A, Menara Prudential,
No.10, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2078 1188 Fax: 603-2072 6188

Customer Service:
Tel: 603-2053 7188
Email: customer@prubsn.com.my